




PELAN STRATEGIK

Perpustakaan Negara Malaysia

2019 - 2023

Edisi Kemaskini: Februari 2021



Diterbitkan Oleh:

Perpustakaan Negara Malaysia
Bahagian Perancangan Strategik & Antarabangsa
232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur.

© Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia
PELAN STRATEGIK Perpustakaan Negara Malaysia 2019-2023.
ISBN 978-967-931-329-1

1. Perpustakaan Negara Malaysia--Planning--2019-2023.
2. Strategic planning--Malaysia.
3. National libraries--Malaysia.
4. Government publications--Malaysia.

I. Judul.
027.5595

ISI

Kandungan

Perutusan Ketua Pengarah	4
Latar Belakang	6
Ringkasan Eksekutif	9
Visi dan Misi	11
Fungsi	12
Punca Kuasa	14
Pemegang Taruh, Rakan Strategik dan Pelanggan	15
Analisis Persekitaran	16
Carta Organisasi	18
Piagam Pelanggan	20
Nilai Bersama	21
Teras Strategik	22
Pelan Tindakan Teras 1	23
Pelan Tindakan Teras 2	30
Pelan Tindakan Teras 3	36
Pelan Tindakan Teras 4	44
Pelan Tindakan Teras 5	51
Pelan Tindakan Teras 6	56
Glosari	61

PERUTUSAN

Ketua Pengarah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Penciptaan ilmu pengetahuan (*knowledge creation*) menerusi ketersediaan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat perlu sentiasa relevan dari semasa ke semasa. Tuntutan sejagat ini memerlukan semua institusi perpustakaan merangka satu perancangan strategik untuk dilaksanakan mengikut tempoh tertentu bagi memenuhi jangkaan dan harapan rakyat.

Dalam hal tersebut, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai agensi peneraju bertanggungjawab memacu perkhidmatan perpustakaan dan maklumat sekali gus memastikan khazanah warisan intelek negara dipelihara berdasarkan peruntukan undang-undang iaitu Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) dan Akta Penyerahan Bahan 1986 (Akta 331); standard antarabangsa yang dikeluarkan *International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA) dan UNESCO berkaitan perpustakaan dan maklumat serta gagasan Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021 - 2030.

Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2019-2023 ialah lanjutan visi dan hala tuju PNM dengan tumpuan kepada enam teras strategik yang diperbaharu dan disesuaikan dengan falsafah, teori dan amalan terbaik yang mendasari pernyataan hukum kelima *Five Laws of Library Science* iaitu *A Library is a growing organism*. Ibarat sebuah organisme yang sentiasa berkembang, pelan ini dikembangkan lagi cakupannya merangkumi perpustakaan desa PNM sebagai pusat aktiviti ilmu dan komersial berkonsepkan pelancongan ilmu pengetahuan (*knowledge tourism*) yang menyebarkan maklumat seni budaya dan mempromosikan kegiatan

ekonomi setempat bagi menjana sumber baharu yang menyumbang pendapatan kepada sektor pelancongan negara.

Seterusnya bagi memastikan kelestarian perpustakaan sebagai enjin carian maklumat yang paling berwibawa sepanjang zaman, PNM menerusi u-Pustaka sebagai hab maklumat negara sentiasa berada dalam mod sedia untuk meningkatkan kapasiti pustakawan abad ke-21 yang memiliki pelbagai kemahiran dengan sokongan infrastruktur/infostruktur terkini yang canggih dan lengkap berhubung.

Hari ini, PNM sedang beradaptasi dengan zaman Revolusi Industri Keempat (IR4.0), kepintaran buatan (*artificial intelligence*), data raya (*big data*) dan robotik dalam usaha mereformasikan program/aktiviti dan perkhidmatannya. Sungguhpun begitu, sebagai sebuah institusi pendidikan sosial dan budaya tinggi, PNM terus menyediakan ruang fizikal untuk mengilmukan rakyat Malaysia dengan menyemarakkan aktiviti berteraskan amalan membaca sepanjang hayat.

Sekian.

DATO' NAFISAH AHMAD
KETUA PENGARAH
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



LATAR Belakang

Sejarah Penubuhan

1966 | Ditubuhkan sebagai sebuah unit di Arkib Negara untuk menjalankan fungsi dalam Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966.

1972 | Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) diwartakan.

1976 | Penubuhan PNM sebagai sebuah Jabatan Persekutuan berasingan dari Jabatan Arkib.

1977 | Diiktiraf sebagai sebuah Jabatan Kerajaan Persekutuan.

Premis Operasi

- 1966** | Bangunan Persekutuan, Petaling Jaya
- 1970** | Bangunan Lama Kerajaan, Jalan Venning, Kuala Lumpur
- 1972** | Bangunan UMBC, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur
- 1975** | Wisma Tharkudas/Sachdev, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur
- 1977** | Bangunan MABA, Jalan Davidson, Kuala Lumpur
- 1982** | Wisma SYS, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur
- 1985** | Jalan Segambut, Kuala Lumpur
- 1987** | Kompleks Bukit Naga, Exchange Square, Jalan Semantan, Damansara Height, Kuala Lumpur
- 1992 - kini** | Beroperasi di:
- Bangunan Anjung Bestari, 232, Jalan Tun Razak 50572 Kuala Lumpur.
 - Menara PNM, 232, Jalan Tun Razak 50572 Kuala Lumpur
 - Menara Wisma Sejarah, Tingkat 3 & 4, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.
 - Wisma Able Match, Jalan Chan Sow Lin Off Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Kementerian Bertanggungjawab

Dari awal penubuhan hingga kini, PNM diletakkan di bawah lapan kementerian iaitu:

1972 - 1983

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

1983 - 1987

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

1983 - 1991

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

1991 - 2005

Kementerian Pelajaran Malaysia

2005 - 2006

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

2006 - 2009

Kementerian Perpaduan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

2009 - 2013

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

2013 - 2018

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

2018 - kini

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Perpustakaan Komuniti PNM

2010 - kini

Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras (PKMC)

2011 - kini

Perpustakaan Komuniti AU2 Setiawangsa (PKAU2)

2013 - kini

Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD)

2014 - kini

Perpustakaan Komuniti UTC Keramat (PKUTC)

Perpustakaan Desa

2005 - kini

512 buah perpustakaan desa PNM telah dibina di seluruh negara

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPAN Perlis)

2010 - kini

PPAN Perlis diletakkan di bawah tadbir urus PNM

RINGKASAN Eksekutif

Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia (PSPNM) 2019-2023 ialah rujukan warga PNM dalam merancang dan melaksanakan program/aktiviti berdasarkan strategi, pelan tindakan dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan berasaskan nilai-nilai bersama (*shared value*).

Pelan yang mengandungi enam teras strategik, 22 strategi dan 61 program ini disejajarkan dengan agenda utama negara iaitu "Buku Harapan: Membina Negara, Memenuhi Harapan", Kajian Separuh Penggal RMKe-11 (2016-2020) dan Rancangan Malaysia seterusnya serta dasar-dasar yang mempunyai kaitan langsung dengan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat seperti Dekad Membaca Kebangsaan (DMK), Dasar Buku Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) dan Dasar Pelancongan Negara. Selain itu, ia turut disejajarkan dengan dasar-dasar negara yang lain dalam bidang sosiobudaya dan pendidikan.

PSPNM 2019-2023 turut disesuaikan dengan hala tuju Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) iaitu memajukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dan mengekalkan jati diri bangsa berteraskan seni, budaya dan warisan menerusi program/aktiviti pembudayaan ilmu dan pemeliharaan khazanah intelek negara.

Visi dan misi PNM ialah:

Visi

Pemacu Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat Negara Bertaraf Dunia

Misi

Memperkasa Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat Berkualiti serta Memelihara Khazanah Intelek Negara Bagi Membentuk Masyarakat Berilmu



Enam teras strategik PSPNM 2019-2023 ialah:

- (a) Pengukuhan tadbir urus dan pemerkasaan imej organisasi.
- (b) Pemantapan penyelidikan dan pembangunan perpustakaan.
- (c) Pemantapan pemeliharaan khazanah intelek negara.
- (d) Perluasan capaian sumber maklumat melalui penyampaian perkhidmatan perpustakaan.
- (e) Pemerkasaan perpustakaan digital.
- (f) Penggerak budaya membaca dan pemertabatan tulisan Jawi

Selain itu, analisis trend terkini global turut mengambil kira inti pati *IFLA Trend Report 2018 Update* iaitu:

- (a) Perpustakaan dan perancangan berasaskan senario.
- (b) Perpustakaan sedang diancam: Bagaimana bertindak balas?
- (c) Perihal perpustakaan.
- (d) Perpustakaan dan komuniti: Koleksi cerita dan peluang menang-menang.

Dalam tempoh pelaksanaan, satu kajian pertengahan penggal (*mid term review*) akan dilaksanakan pada tahun 2021 bagi menilai tahap keberkesanan pelaksanaan dan menyesuaikan strategi sedia ada dengan strategi baharu berdasarkan perkembangan semasa pada waktu itu.

Penilaian pencapaian pelan strategik akan dibuat secara berkala (setiap 6 bulan) oleh sebuah jawatankuasa peringkat jabatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah PNM.

Kesimpulannya, PSPNM 2019-2023 merupakan dokumen rujukan utama mengenai perancangan komprehensif PNM yang perlu dirujuk dan dikemas kini dari semasa ke semasa oleh warga PNM ke arah mencapai satu standard perkhidmatan perpustakaan bertaraf dunia pada tahun 2023.



VISI

**PEMACU PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT
NEGARA BERTARAF DUNIA**

**MEMPERKASA PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT BERKUALITI
SERTA MEMELIHARA KHAZANAH INTELEK
NEGARA BAGI MEMBENTUK MASYARAKAT
BERILMU**

MISI

FUNGSI

AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972 (AKTA 80)

Fungsi Perpustakaan Negara Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) Seksyen 4 (1) adalah seperti berikut:

- (a) Menasihati Menteri tentang polisi negara bagi segala perkara yang berkenaan dengan perpustakaan dan segala perkara lain yang berhubungan dengan perpustakaan.
- (b) Memberikan nasihat dan membantu dalam perancangan dan perkembangan perpustakaan di peringkat kebangsaan.
- (c) Memperoleh dan menyelenggarakan suatu koleksi sumber perpustakaan yang lengkap di peringkat kebangsaan yang mencerminkan warisan intelektual, kesusasteraan dan kebudayaan negara dan juga suatu koleksi representatif di peringkat kebangsaan yang mencerminkan pengetahuan dan kebijaksanaan manusia yang terkumpul.
- (d) Menubuhkan di dalam perpustakaan:
 - (i) Pusat Penyerahan Negara untuk simpanan dan pemuliharaan sumber perpustakaan yang diterima.
 - (ii) Pusat Bibliografi Negara untuk penyelenggaraan rangkaian bibliografi kebangsaan dan penyediaan perkhidmatan bibliografi dan dokumentasi kebangsaan.
 - (iii) Pusat Kebangsaan bagi manuskrip Melayu untuk pemerolehan, pendokumentasian dan penggunaan manuskrip Melayu
- (e) Menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat, perujukan, reprografi dan peminjaman.

- (f) Menyediakan kemudahan di dalam perpustakaan untuk membolehkannya berfungsi sebagai:
 - (i) Titik tumpuan negara bagi sistem maklumat negara.
 - (ii) Pusat kebangsaan bagi peminjaman dan pertukaran sumber perpustakaan untuk menggalakkan ketersediaan terbitan di peringkat kebangsaan dan sejagat.
- (g) Menggalakkan dan menyelaraskan perkembangan dan penggunaan sumber perpustakaan di negara ini.
- (h) Menggalakkan dan memudahkan penubuhan sistem perpustakaan awam seluruh negara selaras dengan piawai kebangsaan bagi mengadakannya.
- (i) Menggalakkan penubuhan suatu rangkaian perpustakaan khusus selaras dengan piawai kebangsaan bagi mengadakannya.
- (j) Menggalakkan dan memudahkan kerjasama kebangsaan dan antarabangsa dan perkongsian sumber di antara perpustakaan.
- (k) Mengusahakan dan memudahkan penyelidikan dalam perkara perpustakaan.
- (l) Menyediakan latihan untuk meningkatkan profesionalisme dalam perkara perpustakaan.
- (m) Menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca.
- (n) Bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan dan perkembangan Bahasa Malaysia.
- (o) Bekerjasama dengan badan ikhtisas dan badan lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi perkembangan perpustakaan.
- (p) Meminjamkan, menjual atau secara lain melupuskan sumber perpustakaan yang menjadi sebahagian daripada perpustakaan.
- (q) Melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu untuk melaksanakan tujuan yang disebut dalam Seksyen 3.



PUNCA Kuasa

1

**AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972 (AKTA 80)
(MENGANDUNGI SEGALA PINDAAN HINGGA 1
JANUARI 2006)**

2

**AKTA PENYERAHAN BAHAN
PERPUSTAKAAN 1986 (AKTA 331)**

3

**PERATURAN-PERATURAN PERPUSTAKAAN
NEGARA 1972 P.U. (A) 365**

4

**PERATURAN-PERATURAN PERPUSTAKAAN
NEGARA 1993 (PINDAAN) P.U. (A) 294**

5

**PERATURAN-PERATURAN PERPUSTAKAAN
NEGARA 1993 (BAYARAN DAN DENDA) P.U. (A)
295**

6

**PERATURAN-PERATURAN PERPUSTAKAAN
NEGARA (BAYARAN DAN DENDA) (PINDAAN)
2015 P.U (A) 222**

PEMEGANG Taruh, RAKAN Strategik DAN PELANGGAN

PEMEGANG TARUH

- Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
- Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
- Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia
- Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu

RAKAN STRATEGIK

- Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan/Sektor Swasta/Badan Bukan Kerajaan (NGO)/Individu
- Agensi/Institusi Antarabangsa
- Media/Pemain Industri

PELANGGAN

- Orang Awam/Rakyat
- Sektor Swasta/Perniagaan



ANALISIS Persekitaran



PELUANG

- Mewujudkan One Stop/ Second Home untuk masyarakat
- Penglibatan sukarelawan dalam program perpustakaan
- Kemudahan pengangkutan awam (Bas, MRT)
- Hubungan yang erat dengan agensi-agensi luar melalui penganjuran program dan aktiviti Teknologi baharu membantu peningkatan penyampaian perkhidmatan
- Dasar, standard dan peraturan kerajaan semasa yang menyokong fungsi perkhidmatan perpustakaan
- Kesedaran membaca dalam kalangan masyarakat / agensi / pemegang taruh / NGO / Persatuan Kerjasama dalam R&D
- dengan agensi luar Pengkormesialan kandungan maklumat tempatan@Malaysia


KELEMAHAN

- Dasar dan polisi sentiasa berubah
- Kelonggaran penguatkuasaan akta dan dasar
- Peruntukan kewangan terhad
- Kemahiran dan pengetahuan tidak digunakan secara optimum
- Kebergantungan kepada pihak luar
- Ruang penyimpanan koleksi perpustakaan terhad
- Bangunan uzur: memerlukan penyelenggaraan secara kerap
- Kawalan keselamatan bahan perpustakaan yang kurang efektif
- Talian internet yang tidak stabil
- Kurang kepakaran dalam kajian, penyelidikan, bahasa dan teknologi


KEKUATAN

- Sokongan dari pihak kerajaan
- Peruntukan kewangan khusus disediakan
- Struktur tadbir urus yang lengkap
- Kakitangan yang terlatih, berpengalaman dan berintegriti
- Punca Kuasa Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80)
- Sumber perpustakaan terkini dalam pelbagai format dan bidang perkara
- u-Pustaka : akses sepanjang masa dari mana-mana sahaja
- Pengiktirafan MS ISO 9001: 2015
- Program latihan berfokus dan terancang.
- Standard/Polisi/SOP yang komprehensif
- Koleksi warisan intelek
- Negara yang mantap
- Pelbagai pangkalan data dalam talian

CARTA Organisasi



Carta ini mengikut Waran Perjawatan Bil. E25
Tahun 2019 berkuat kuasa pada 1 Januari 2019



PIAGAM Pelanggan

1

MEMASTIKAN PENYEDIAAN BAHAN PERPUSTAKAAN YANG DIPEROLEHI MELALUI AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN 1986 (AKTA 331) DAN PEMBELIAN UNTUK RUJUKAN DAN PERUJUKAN DALAM TEMPOH MASA YANG DITETAPKAN.

2

MEMASTIKAN KETERSEDIAAN KOLEKSI KHAZANAH WARISAN INTELEKTUAL NEGARA SENTIASA BERADA DALAM KEADAAN SELAMAT DAN SEMPURNA UNTUK RUJUKAN GENERASI MASA KINI DAN AKAN DATANG.

3

MEMASTIKAN BAHAN PERPUSTAKAAN TERBITAN TERKINI TERSEDIA DI ATAS RAK UNTUK RUJUKAN PELANGGAN DALAM TEMPOH 2 MINGGU.

4

MEMASTIKAN 80% CADANGAN DAN PERMOHONAN BAHAN PERPUSTAKAAN OLEH PELANGGAN DIPENUHI DALAM TEMPOH 7 HARI BEKERJA.

5

MEMASTIKAN ADUAN PELANGGAN DIBERI JAWAPAN AKUAN PENERIMAAN DALAM TEMPOH 3 HARI BEKERJA.

6

MEMASTIKAN PERKHIDMATAN KEPADA PENERBIT/PENULIS BAGI MENDAPATKAN ISBN/ISSN/KOD JALUR DIPENUHI DALAM TEMPOH 1 HARI BEKERJA.

7

MEMASTIKAN PERMOHONAN KATALOG DALAM PENERBITAN (CIP) DISEDIAKAN DALAM TEMPOH 3 HARI BEKERJA.

8

MEMASTIKAN PERTANYAAN RUJUKAN PENYELIDIKAN DIBERI MAKLUM BALAS DALAM TEMPOH 2 HARI BEKERJA.

NILAI Bersama



TERAS Strategik



TERAS Strategik

PENGUKUHAN TADBIR URUS DAN PEMERKASAAN IMEJ ORGANISASI

1



TERAS Strategik 1

PENGUKUHAN TADBIR URUS DAN PEMERKASAAN IMEJ ORGANISASI

Tadbir urus yang cekap, telus dan berintegriti berteraskan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam bidang pengurusan perpustakaan dan maklumat. Tumpuan kepada penyediaan pelan pembangunan kerjaya berasaskan kepimpinan, keterampilan, kemahiran dan bakat bagi melahirkan modal insan berkepakaran dan berkemahiran pelbagai (*specialized and multi-skilled librarian*); penginovasian program/aktiviti dan perkhidmatan; penerbitan dan promosi.

STRATEGI

1

Memperkasakan kepimpinan dan tadbir urus

STRATEGI

2

Meningkatkan kecekapan pembangunan modal insan

STRATEGI

3

Memantapkan kemajuan kerjaya kepustakawanan

STRATEGI

4

Meningkatkan kualiti penerbitan dan menginovasikan pengurusan perpustakaan dan maklumat

TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 1: MEMPERKASAKAN KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peraturan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Tadbir urus perpustakaan melalui akta, pekeliling, peraturan dan dasar yang diguna pakai. (a) Semakan semula Akta dan Dasar	Bilangan Akta	1 Draf Akta 331	2019	PK PPTN
		100% Kelulusan PUU Akta 331	2020	
		1 Akta 331	2021	
(b) Dasar Baharu	Bilangan Dasar	1 Dasar Pembangunan Koleksi	2020	PK BPK
(c) Pekeliling Ketua Perkhidmatan Perpustakaan	Bilangan Pekeliling	1 Draf Pekeliling	2020	PK PPTN
		100% Kelulusan PUU	2021	
		1 Pekeliling Garis Panduan Penyerahan Bahan yang diterbitkan oleh Sektor Awam	2021	

1 TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 1 : MEMPERKASAKAN KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
2. Pelan sokongan organisasi				
(a) Pelan Antirasuah Organisasi	Bilangan dokumen	1 Pelan Anti rasuah PNM	2021	UI
	Kadar bebas rasuah	100% setiap tahun	2019-2023	UI
(b) Pelan Risiko Rasuah	Bilangan dokumen	1 Pelan Risiko Rasuah PNM	2020	UI
	Bilangan aduan rasuah	<5 % daripada aduan umum	2020	UI
(c) Pelan Penggantian Jabatan	Bilangan dokumen	1 dokumen dikemaskini setiap tahun	2019-2023	KPSM
(d) Pelan Penstrukturan Semula Jabatan	Bilangan Pelan	1 Pelan Penstrukturan	2020	KPSM

TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 2 : MENINGKATKAN KECEKAPAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pembangunan bakat dan kepakaran				
(a) Pustakawan Pakar	Bilangan pustakawan pakar	5 pustakawan pakar setiap 5 tahun	2019-2023	BPMI
(b) Laluan kerjaya Pustakawan	Bilangan peserta	Sekurang-kurangnya 1 Sarjana dan 1 PhD setiap 3 tahun	2019-2023	BPMI
(c) Pentauliahan Sijil Kemahiran Malaysia - Program Pensijilan Kepustakawanan (Operasi) Tahap 2 dan Kepustakawanan (Pengawasan) Tahap 3	Bilangan peserta	3 orang setiap tahun	2020-2023	BPMI
2. Peningkatan kemahiran dan kompetensi pegawai jabatan.				
(a) Kompetensi dalam proses pemantauan koleksi	Bilangan kursus dihadiri dari badan bertauliah	4 kakitangan Pemuliharaan setiap tahun	2019-2023	BPMI BP
(b) Kompetensi pemuliharaan	Bilangan kursus pemuliharaan diperingkat serantau dan antarabangsa	1 kursus setiap 2 tahun	2020-2023	BPMI BP
(c) Kompetensi pengukuhan imej organisasi dan <i>Front Liner</i>	Bilangan kursus oleh khidmat pakar latihan bertauliah	1 kursus setiap tahun	2019-2023	BPMI Semua Bahagian Perkhidmatan

1 TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 3 : MEMANTAPKAN KEMAJUAN KERJAYA KEPUSTAKAWANAN

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pelan Landasan Kemajuan Kerjaya	Bilangan dokumen	1 dokumen	2020	KPSM
2. Kursus bahan perpustakaan kepada pihak luar seperti IPTA dan Agensi Awam.	Bilangan kursus yang dianjurkan kepada pihak luar	1 kursus setahun	2019-2023	KPSM BP BP
3. Program pemantapan kompetensi Pustakawan dalam bidang pendokumentasian bahan perpustakaan	Bilangan program	4 program setahun	2019-2023	BP BP
	Bilangan penempatan	1 penempatan secara sangkutan setiap 2 tahun	2019-2023	BP BP
4. Pelan Induk Pembangunan Perpustakaan di Malaysia bagi Perpustakaan Gunasama	Pendokumentasian	9 elemen	2019-2020	PIM BKNP
	Pemurnian PIPP		2021-2022	
	Bilangan dokumen	1 dokumen lengkap	2023	
5. Pengukuhan khidmat nasihat dan perundingan yang berkualiti.	Bilangan laporan diterima pakai	20 laporan diterima pakai setahun	2019-2023	PIM BKNP
6. Penglibatan dalam program/aktiviti bidang perpustakaan dan kepustakawanan.				
(a) Peringkat antarabangsa	Bilangan penyertaan	2 penyertaan setahun	2019-2023	
(b) Peringkat kebangsaan	Penyertaan setahun	2 penyertaan setahun	2019-2023	

TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 4 : MENINGKATKAN KUALITI PENERBITAN DAN MENGINOVASI PENGURUSAN PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pelan Media Promosi PNM	Bilangan Pelan Media Promosi	1 Pelan Media Promosi setahun	2019-2023	PKor BKK
2. Penerbitan ilmiah dalam bidang kepustakawanan dan bidang yang berkaitan secara bercetak dan digital.	Bilangan penerbitan	3 terbitan setahun	2019-2023	PKor BKK
3. Projek inovasi perpustakaan	Bilangan projek inovasi	1 Projek Setahun	2019-2023	PKor BPSA
4. Pelaksanaan EKSA	Dokumen EKSA	1 dokumen EKSA	2019	PKor BPSA KPSM
	Kick Off	Fasa 1 (Menara PNM)	2020	
		Fasa 2 (Ajung Bestari)	2022	
	Audit Dalam EKSA		2021	
Permohonan Pensijilan EKSA	1 Permohonan	2023		



TERAS Strategik
PEMANTAPAN PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

2



TERAS Strategik 2

PEMANTAPAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

Aktiviti kajian dan penyelidikan adalah penting bagi melestarikan fungsi PNM sebagai perpustakaan rujukan yang menyokong proses penciptaan pengetahuan (*knowledge creation*) untuk kegunaan akademik dan komersial.

Kerjasama peringkat kebangsaan dan antarabangsa diperkukuh dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam bidang strategik seperti latihan, perkongsian sumber bahan, pelaksanaan program/aktiviti dan penerbitan.

Pembinaan perpustakaan awam/khusus dengan kerjasama kerajaan negeri dan agensi swasta diteruskan bagi memastikan institusi perpustakaan dapat menyediakan perkhidmatan yang menyeluruh kepada semua anggota masyarakat.

STRATEGI

1

Memperkukuh kajian bidang kepustakawanan

STRATEGI

2

Memperluas kerjasama peringkat kebangsaan dan antarabangsa

STRATEGI

3

Memantapkan analisis, transformasi dan penyediaan maklumat untuk penciptaan pengetahuan (*knowledge creation*)

STRATEGI

4

Memperkasakan pembangunan infrastruktur perpustakaan di Malaysia

TERAS Strategik Pelan Tindakan **2**

Strategi 1 : MEMPERKUKUH KAJIAN BIDANG KEPUSTAKAWANAN

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Laporan analisis hasil kajian dalam bidang kepustakawanan	Bilangan kajian	7 kajian 2019 - 2 kajian 2020-2 kajian 2021-2023 1 kajian setiap tahun	2019-2023	PIM BPP
2. Kerjasama strategik dalam pelaksanaan kajian	Bilangan kerjasama	2 kerjasama (UiTM dan UPM) 2020 - 1 kerjasama 2022 - 1 kerjasama	2019-2023	PIM BPP

Strategi 2 : MEMPERLUAS KERJASAMA PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Jaringan kerjasama: (a) Peringkat antarabangsa i. Program ii. Latihan	Bilangan kerjasama	2 kerjasama setiap tahun 3 kerjasama setiap tahun	2019-2023	PKor BPSA BPMI
(b) Peringkat kebangsaan i. Program ii. Latihan	Bilangan kerjasama	5 kerjasama setiap tahun 3 kerjasama setiap tahun	2019-2023	PKor BPSA BKK BPMI
2. Pengiktirafan badan antarabangsa	Bilangan pengiktirafan	2 pengiktirafan daripada UNESCO	2019-2023	PRM PKMM

* Semua kolaborasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di gabungkan dibawah TERAS 2

2 TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 3 : MEMANTAPKAN ANALISIS, TRANSFORMASI DAN PENYEDIAAN MAKLUMAT UNTUK PENCIPTAAN PENGETAHUAN (*KNOWLEDGE CREATION*)

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pengurusan Data Raya (i) PNM (ii) Perpustakaan Khusus Gunasama (iii) Perpustakaan Akademik (iv) Perpustakaan Awam Negeri (v) Perpustakaan Desa Perpustakaan Awam Negeri (vi) Perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia (vii) Perpustakaan Badan Berkanun / Agensi Swasta	Bilangan kategori data	7 kategori data setiap tahun	2019-2023	PIM BPP
2. Penerbitan Perangkaan Perpustakaan di Malaysia.	Bilangan Penerbitan	1 terbitan setiap tahun	2019-2023	PIM BPP

TERAS Strategik Pelan Tindakan **2**

Strategi 4 : MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PERPUSTAKAAN DI MALAYSIA

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pembinaan bangunan baharu dan menaik taraf perpustakaan: (a) Pembinaan bangunan baharu. (i) Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	Bilangan perpustakaan	1 perpustakaan negeri	2020-2023	BPPD
(ii) Penerusan Projek Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan, RMKe11	Bilangan perpustakaan	1 Perpustakaan cawangan 50% - 2019 50% - 2020	2019-2020	BPPD
(b) Menaik taraf bangunan perpustakaan. (i) Projek Pemusatan Perpustakaan	Peratus pencapaian projek	2019- 12% 2020 – 44% 2021 – 44%	2019-2023	KPSM BPPD
(ii) Penyelenggaraan Perpustakaan Desa	Bilangan PD	20 PD setiap tahun	2019-2023	PIM BPPD
(iii) Peluasan Sistem Perpustakaan (KOHA) di Perpustakaan Desa	Bilangan perpustakaan desa	128 Perpustakaan Desa 2020 – 4 PD 2021 – 41 PD 2022 – 41 PD 2023 – 42 PD	2020-2023	BPPD BTM
2. Kerjasama strategik dengan pihak badan berkanun / swasta bagi khidmat nasihat dalam pembinaan perpustakaan komuniti.	Bilangan Perpustakaan	4 Perpustakaan 2019 - 1 Perpustakaan 2020 - 3 Perpustakaan	2019-2020	BPPD

TERAS Strategik

3

PEMANTAPAN PEMELIHARAAN KHAZANAH INTELEK NEGARA



TERAS Strategik 3

PEMANTAPAN PEMELIHARAAN KHAZANAH INTELEK NEGARA

Pemeliharaan khazanah intelek negara dimantapkan menerusi aktiviti pengesanan, pemerolehan, penguatkuasaan, pendokumentasian dan penyelenggaraan koleksi secara sistematik mengikut standard tempatan dan antarabangsa selaras dengan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).

STRATEGI

1

Memperkasakan pemeliharaan khazanah intelek negara

STRATEGI

2

Memantapkan koleksi maklumat negara yang komprehensif

STRATEGI

3

Memantapkan pendokumentasian sumber perpustakaan selari dengan keperluan teknologi terkini

STRATEGI

4

Memantapkan pengurusan pemeliharaan dan penyelenggaraan koleksi dan sumber maklumat negara

TERAS Strategik Pelan Tindakan **3**

Strategi 1 : MEMPERKASAKAN PEMELIHARAAN KHAZANAH INTELEK NEGARA

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Sistem Depositori Kebangsaan	Bilangan Sistem Pangkalan Data	1 sistem pangkalan data	2020	PK PPTN
2. Prosedur Keselamatan Dan Penyimpanan Koleksi Manuskrip Melayu	Bilangan Prosedur Keselamatan	1 Prosedur Keselamatan	2020	PKMM BP

3 TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 2 : MEMANTAPKAN KOLEKSI MAKLUMAT NEGARA YANG KOMPREHENSIF

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Program kesedaran mengenai kepentingan dan nilai terbitan Malaysia bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)	Bilangan taklimat mengikut zon	10 taklimat setahun	2019-2023	PPTN
	Bilangan Viewers/Peserta	600 Viewers/ Peserta Setiap Tahun	2019-2023	PPTN
	Bilangan Judul Baharu	15,600 judul baharu setahun	2019-2023	PPTN
2. Pembinaan koleksi warisan negara	Bilangan pengesanan bahan manuskrip	5 negara 2021 - 2 Negara 2022 - 1 Negara 2023 - 1 Negara	2019-2023	PKMM BPK
	Peningkatan 1% koleksi manuskrip berbanding bilangan kumulatif	50 naskhah setahun		
	Bilangan Koleksi Peribadi/ Nadir	7 koleksi tokoh 2019 - 3 2020 - 2 2021 - 2		
3. Pengukuhan koleksi perpustakaan: (a) Pembelian	Bilangan bahan yang diperolehi secara pembelian (naskhah) <ul style="list-style-type: none"> • Monograf • Terbitan bersiri • Sumber Media 	15,000 naskhah setahun	2019-2023	BPK
	(b) Hadiah dan pertukaran	Bilangan bahan yang diterima melalui hadiah dan pertukaran (naskhah)		
	Bilangan perpustakaan luar negara/ perpustakaan jabatan kerajaan/ badan swasta/ NGO yang memberi sumbangan bahan bacaan	5 agensi dalam dan luar negara setahun	2019-2023	BPK

TERAS Strategik

Pelan Tindakan **3**

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
4. Peningkatan perolehan pangkalan data dan e-buku untuk menyokong perkhidmatan dalam talian	Bilangan pangkalan data dilanggan	15 pangkalan data setahun	2019-2023	BPK
	Bilangan bahan digital yang diperolehi secara pembelian (perpetual) – e-book	1000 judul setahun	2019-2023	BPK
5. Pengukuhan sumber rujukan untuk masyarakat luar bandar	Bilangan naskhah bahan bacaan	80,000 naskhah setahun	2019-2023	BPK

3 TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 3 : MEMANTAPKAN PENDOKUMENTASIAN SUMBER PERPUSTAKAAN SELARI DENGAN KEPERLUAN TEKNOLOGI TERKINI

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Kebolehnampakan Kandungan / Maklumat Jabatan Dalam Enjin Carian Utama	Bilangan rekod	800,000 rekod	2022	PBN BRSP
2. Hab rujukan rekod bibliografi dan indeks negara	Bilangan pembinaan rekod bibliografi	23,000 setahun	2019-2023	PBN BPK
	Bilangan pembinaan fail kuasa	100 setahun	2019-2023	
	Bilangan pembinaan rekod indeks	10,000 setahun	2019-2023	PBN
3. Perkhidmatan kepada penerbit (a) Permohonan ISBN	Bilangan pendaftaran ISBN	21,000 setahun	2019-2023	PBN
	Bilangan laporan ISBN	4 laporan setahun		
(b) Permohonan ISSN	Bilangan pendaftaran ISSN	200 setahun	2019-2023	
	Bilangan laporan ISSN	4 laporan setahun		
(c) Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP)	Bilangan PDP	5,500 setahun	2019-2023	PBN
4. Penggubalan standard	Bilangan standard	1 standard setahun	2019-2023	PBN BPK PKMM

TERAS Strategik Pelan Tindakan **3**

Strategi 4 : MEMANTAPKAN PENGURUSAN PEMULIHARAAN DAN PENYELENGGARAAN KOLEKSI DAN SUMBER MAKLUMAT NEGARA

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Permohonan Pusat Penyimpanan Luar Koleksi Negara (PPLKN)	Bilangan lokasi	2 lokasi	2020	PKol PPTN BKPSM
	Bilangan Memorandum Perjanjian (MoA)	1 Memorandum Perjanjian	2021	PKol PPTN BPSA
2. Prosedur Dan Proses Pemeliharaan Bahan Manuskrip Dan Bahan Digital	Bilangan kertas kerja prosedur pemeliharaan bahan	1 kertas kerja	2021	BP
3. Khidmat Nasihat Kepada Penubuhan Pusat / Unit Pemeliharaan Di Institusi Awam Dan Swasta	Bilangan khidmat nasihat	3 khidmat nasihat diterima setahun	2019-2023	BP BPMI
4. Penaiktarafan Ruang Kerja Bahagian Pemeliharaan (Unit Manuskrip Dan Unit Nadir)	Bilangan permohonan ruang kerja	1 Permohonan	2020	BP BKPSM
	Kerja-kerja naik taraf		2021	



TERAS Strategik
PELUASAN CAPAIAN SUMBER
MAKLUMAT MELALUI
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN

4



TERAS Strategik 4

PELUASAN CAPAIAN SUMBER MAKLUMAT MELALUI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Untuk memantapkan perkhidmatan perpustakaan melalui ketersediaan koleksi dan capaian sumber maklumat yang luas bagi memastikan peranan sebagai perpustakaan rujukan dan maklumat negara dapat dicapai. Tumpuan untuk meningkatkan sumber maklumat, penggunaan perkhidmatan perpustakaan secara optimum dan penglibatan komuniti dengan perpustakaan bagi mencapai matlamat masyarakat yang berilmu pengetahuan tinggi.

STRATEGI

1

Memperluas perkhidmatan capaian maklumat

STRATEGI

2

Meningkatkan peranan sebagai perpustakaan rujukan dan pusat maklumat negara

STRATEGI

3

Meningkatkan galak guna sumber maklumat melalui penglibatan komuniti dan rakan strategik

STRATEGI

4

Memperkasakan sumber maklumat yang mewakili pengetahuan dunia

TERAS Strategik Pelan Tindakan

4

Strategi 1 : MEMPERLUAS PERKHIDMATAN CAPAIAN MAKLUMAT

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pemantapan perkhidmatan perpustakaan: (a) Pinjaman berkelompok kepada perpustakaan institusi / komuniti luar	Bilangan bahan yang dipinjam oleh ahli pinjaman kelompok	150,000 naskhah setahun	2019-2023	BPJM
	Bilangan institusi yang menjadi ahli pinjaman berkelompok	20 institusi setahun	2019-2023	
(b) Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) kepada perpustakaan dalam dan luar negara	Bilangan ahli baharu PAP	25 agensi setahun	2019-2023	PRMLN
	Bilangan bahan yang dipinjam oleh ahli PAP	500 naskhah setahun	2019-2023	

4 TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 2 : MENINGKATKAN PERANAN SEBAGAI PERPUSTAKAAN RUJUKAN DAN PUSAT MAKLUMAT NEGARA

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pemantapan perkhidmatan rujukan: (a) Masyarakat	Peratusan bahan dirujuk: Perpustakaan Negara Malaysia	2 % peningkatan 2020 - 0.3% 2021 - 0.5% 2022 - 0.6% 2023 - 0.6%	2019-2023	BSE PRMLN PKMM BPJM BPPD
	Perpustakaan Desa PNM	0.3% peningkatan setahun		
	Peratusan penggunaan pangkalan data	5% peningkatan setahun	2019-2023	BSE
(b) Golongan khas	Bilangan penerbitan buku audio	10 penerbitan buku audio setahun	2019-2023	BSE BPK
	Peratusan penggunaan buku audio	3% peningkatan setahun	2021-2023	
2. Peningkatan kajian manuskrip Melayu dan buku nadir untuk rujukan	Bilangan kajian yang dilaksanakan	1 kajian setiap 2 tahun	2019-2023	PKMM PRMLN
	Bilangan penyelidik yang dilantik (Mualim Tamu / Karyawan Tamu) / Penyelidikan sabbatical / geran penyelidikan	1 penyelidik setiap 2 tahun	2019-2023	
	Penerbitan buku / kertas kerja / pembentangan	2 penerbitan kertas kerja / pembentangan 2020 - 1 terbitan 2022 - 1 terbitan	2020-2023	

TERAS Strategik Pelan Tindakan

4

Strategi 3 : MENINGKATKAN GALAK GUNA SUMBER MAKLUMAT MELALUI PENGLIBATAN KOMUNITI DAN RAKAN STRATEGIK

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pembangunan profil perpustakaan (a) Profil pengguna	Peratusan pengguna aktif PNM	Peningkatan 2% dari jumlah pengguna aktif setahun	2019-2023	BRSP BKK Semua Bahagian Perkhidmatan
	(b) Profil komuniti	Jumlah PD: 507 2019 - 250 PD 2020 - 257 PD	2019-2023	BPPD
	Laporan maklumat komuniti	1 laporan maklumat komuniti bagi 1 PD	2021	
2. Kelab Rakan PNM (Sukarelawan)	Bilangan Kelab Rakan PNM	1 Kelab Rakan PNM	2020	BKK
	Bilangan ahli	100 orang ahli setahun	2019-2023	
3. Program Bersama Komuniti	Bilangan program	2 kerjasama bagi setiap PD setahun	2019-2023	BPPD
	Peningkatan bilangan pengunjung PD	4% peningkatan pengunjung PD setahun		

4 TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 4 : MEMPERKASAKAN SUMBER MAKLUMAT YANG MEWAKILI PENGETAHUAN DUNIA

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Program Literasi Maklumat dan Media (LMM) serta Perpustakaan Digital PNM	Bilangan sesi LMM & Perpustakaan Digital PNM	15 sesi setahun	2019-2023	BGLM BSE
	Bilangan peserta LMM & Perpustakaan Digital yang dilatih	700 peserta setahun		
2. Program promosi koleksi dan perkhidmatan perpustakaan				
(a) Perkhidmatan Kesedaran Semasa (CAS)	Bilangan Perkhidmatan Kesedaran Semasa (CAS)	12 kali setahun	2019-2023	PRMLN
(b) Perkhidmatan <i>Selective Dissemination of Information (SDI)</i>	Bilangan Perkhidmatan <i>Selective Dissemination of Information (SDI)</i>	4 kali setahun	2019-2023	PRMLN
(c) Pempakejan maklumat	Bilangan pempakejan maklumat	6 pempakejan maklumat setahun	2019-2023	PRMLN
3. Program Keilmuan, Keintelektualan dan Warisan Negara	Bilangan Program	8 kali setahun	2019-2023	PRMLN
	Bilangan peserta	Peserta - 200 Views dalam talian- 1000 setahun	2019-2023	PRMLN

TERAS Strategik
PEMERKASAAN
PERPUSTAKAAN DIGITAL

5



TERAS Strategik 5

PEMERKASAAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

Mentransformasikan perkhidmatan perpustakaan melalui peningkatan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan secara bersepadu kepada rakyat. Tumpuan kepada memantapkan pelaksanaan Perpustakaan Digital, menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif dan memperluas perkhidmatan yang mudah diakses rakyat.

STRATEGI

1

Memperkukuh hab maklumat negara

STRATEGI

2

Memperkasakan kandungan digital negara

STRATEGI

3

Membangunkan Aplikasi Baharu Untuk Ketersediaan Maklumat

TERAS Strategik Pelan Tindakan **5**

Strategi 1 : MEMPERKUKUH HAB MAKLUMAT NEGARA

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pembangunan Hab Maklumat Negara	Pembangunan sistem KIK dan MyRepo	2 komponen sistem	2019	PBN BKD
	Pendigitalan Koleksi PNM	1.7 juta mukasurat		BKD
	Perluasan u-Pustaka ke 4 PAN	4 PAN		BRSP
2. Penaiktarafan infrastruktur dan sistem aplikasi yang menyokong hab maklumat negara	Bilangan laporan penilaian	2 laporan penilaian	2020	BTM BRSP
	Bilangan Laporan Kalian	1 Laporan Kajian	2021	BRSP
	Bilangan projek	1 projek	2022-2023	BTM
3. Perluasan perkhidmatan u-Pustaka ke seluruh negara	Peratusan PAN sebagai ahli konsortium	100% dari 14 PAN	2023	BRSP BTM
	Bilangan keahlian	Peningkatan 5% setahun	2019-2023	BRSP BSE

5 TERAS Strategik Pelan Tindakan

Strategi 2 : MEMPERKASAKAN KANDUNGAN DIGITAL NEGARA

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Pendigitalan koleksi khazanah warisan negara	Peratus peningkatan bahan digital	10% setahun	2019-2023	BKD PPTN
	Bilangan judul <i>borne digital</i>	500 judul		
2. Pendigitalan/platform pendigitalan koleksi perpustakaan dengan organisasi lain.	Bilangan agensi/ organisasi	2 agensi / organisasi setahun	2019-2023	BKD PMO
3. Peningkatan kandungan digital berteknologi terkini	Bilangan teknologi (AR, VR, i-beacon dll.)	3 teknologi	2019-2023	BKD PMO
	Bilangan Kajian Impak	1 Kajian impak Beacon	2020	
	Bilangan judul	500 judul	2019-2023	
	Bilangan kandungan digital	100 setahun	2021-2023	

Strategi 3 : MEMBANGUNKAN APLIKASI BAHARU UNTUK KETERSEDIAAN MAKLUMAT

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Membangunkan <i>Big Data Analytics</i> Jabatan	Bilangan perolehan	1 perolehan	2019	BKD PMO
	Bilangan Sistem	1 Sistem	2020	
	Bilangan data set	1 data set setahun	2021-2023	
2. Melengkapkan perkhidmatan PNM dengan teknologi terkini	Bilangan kajian kebolehlaksanaan	1 kajian	2020-2021	PMO
	Bilangan perkhidmatan teknologi terkini	1 perkhidmatan teknologi terkini	2022	
	Bilangan kajian impak	1 kajian impak	2023	

* Strategi 3 telah dipinda Strategi dan Program

TERAS Strategik Pelan Tindakan **5**

3. Mewujudkan My Digital Maker Hub	Bilangan Kajian Keperluan	1Kajian Keperluan	2020	PMO
	Bilangan Permohonan perolehan		2021	
	Bilangan perkhidmatan	1 perkhidmatan	2022	

Strategi 4 : MEMBANGUNKAN PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Kajian kebolehlaksanaan (feasibility study)	Bilangan laporan kajian	1 laporan kajian	2020	
2. Pembangunan Projek	Bilangan permohonan kelulusan projek	Permohonan kelulusan projek	2021	
	Bilangan MoU	Perjanjian Persefahaman (MoU)	2021	
	Bilangan permohonan projek	Permohonan projek	2022	
	Bilangan pelaksanaan projek	Pelaksanaan projek	2023	

TERAS Strategik
PENGGERAK BUDAYA MEMBACA
DAN PEMARTABATAN TULISAN
JAWI

6



TERAS Strategik 6

PENGGERAK BUDAYA MEMBACA DAN PEMARTABATAN TULISAN JAWI

Untuk melahirkan masyarakat berilmu pengetahuan (*knowledge society*) berteraskan amalan membaca dan kadar literasi yang tinggi menerusi pelaksanaan program galakan membaca yang melibatkan semua pihak berkepentingan. Program disasarkan kepada semua lapisan masyarakat di seluruh negara mengikut tahap usia dan kelompok institusi termasuk golongan khas. Pelaksanaannya sejajar dengan gagasan Dekad Membaca Kebangsaan yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Pembaca (*Reader State*) menjelang tahun 2030.

Usaha-usaha meningkatkan penggunaan tulisan Jawi dilaksanakan bagi memartabatkan semula sistem tulisan bangsa dan bahasa Melayu menerusi pelbagai pendekatan berbentuk program/aktiviti, persidangan, pameran dan penerbitan bahan pengajaran.

STRATEGI

1

Memperhebat program galakan membaca secara bersepadu dan inklusif

STRATEGI

2

Mempergiat program pembudayaan tulisan Jawi

STRATEGI

3

Meningkatkan kadar literasi maklumat

Strategi 1 : MEMPERHEBAT PROGRAM GALAKAN MEMBACA SECARA BERSEPADU DAN INKLUSIF

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Program galakan membaca peringkat kebangsaan: (a) Jom Baca Bersama 10 Minit	Bilangan program	1 program setahun	2019-2023	BGLM PAN
	Peningkatan % penyertaan	1% - 2% setahun		
(b) WORLD#Quran Hour	Bilangan program	1 program setahun	2019-2023	BGLM PAN
	Peningkatan % penyertaan	2% - 3% setahun		
2. Program galakan membaca mengikut kumpulan sasaran: (a) Kanak-kanak	Bilangan aktiviti	48 aktiviti setahun	2019-2023	BGLM BPJM PPAN Perlis
	Bilangan peserta	20,000 peserta 48,000 engagement		
(b) Remaja	Bilangan aktiviti	12 aktiviti setahun	2019-2023	BGLM BPJM PPAN Perlis
	Bilangan peserta	1,000 peserta 12,000 engagement	2019-2023	BGLM BPJM PPAN Perlis
(c) Dewasa	Bilangan aktiviti	19 aktiviti setahun	2019-2023	BGLM PRMLN BPJM PPAN Perlis
	Bilangan peserta	12,500 peserta 19,000 engagement	2019-2023	

* Sasaran bilangan peserta dan bilangan aktiviti di gabungan dan diubah

6 TERAS Strategik Pelan Tindakan

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
(d) Komuniti & institusi keluarga	Bilangan aktiviti	20 aktiviti setahun	2019-2023	BGLM PKMM BPJM PPAN Perlis
	Bilangan peserta	40,000 peserta		
		20,000 engagement		
(e) Golongan berkeperluan khas (OKU, warga emas, ibu tunggal, gelandangan, penghuni pusat pemulihan)	Bilangan aktiviti	2 aktiviti setahun	2019-2023	BGLM BSE
	Bilangan peserta	300 peserta		
3. Program kolaborasi galakan membaca:	Bilangan program	8 Program – PNM	2019-2023	BGLM BRSP PRMLN
	(a) Dekad Membaca Kebangsaan dan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020	Bilangan peserta		
2,000,000 engagement				
(b) Penganjuran Bulan Membaca Perdana	Bilangan program	1 program setiap tahun	2019-2023	BGLM
	Bilangan peserta	500 peserta		
		10,000 engagement		

Strategi 2 : MEMPERGIAT PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Program pembudayaan tulisan Jawi	Bilangan program	2 program setahun	2019-2023	BGLM
	Bilangan peserta	4000 peserta 2,000 engagement		
2. Aktiviti pembelajaran tulisan Jawi	Bilangan aktiviti	2 aktiviti setahun	2019-2023	BGLM
	Bilangan peserta	300 peserta 116,000 engagement		
3. Program kolaborasi pembudayaan tulisan Jawi	Bilangan program	2 program setahun	2019-2023	BGLM
	Bilangan peserta	500 peserta 2,000 engagement		

Strategi 3 : MENINGKATKAN KADAR LITERASI MAKLUMAT

Program	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tahun/Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1. Agenda Literasi Maklumat Negara (NILA)	Bilangan jawatankuasa	1 jawatankuasa	2021	BGLM
2. Pembangunan e-LMM 2.0	Bilangan sistem e-LMM 2.0	1 sistem	2020	BGLM BTM

* Sasaran bilangan peserta di gabungkan dan diubah

GLOSARI

BGLM	Bahagian Gerakan Literasi Maklumat	KPSM	Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
BKD	Bahagian Kandungan Digital	NGO	Non-Governmental Organization
BKK	Bahagian Komunikasi Korporat	PAN	Perpustakaan Awam Negeri
BKNP	Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan	PBN	Pusat Bibliografi Negara
BP	Bahagian Pemuliharaan	PD	Perpustakaan Desa
BPJM	Bahagian Pinjaman	PhD	The Doctor of Philosophy
BPK	Bahagian Pembinaan Koleksi	PIM	Prasarana Ilmu dan Maklumat
BPMI	Bahagian Pembangunan Modal Insan	PK	Pembangunan Koleksi
BPP	Bahagian Penyelidikan Perpustakaan	PKB	Perbadanan Kota Buku
BPPD	Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa	PKMM	Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu
BPSA	Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa	PKor	Perkhidmatan Korporat
BRSP	Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan	PMO	Bahagian Pengurusan Projek Digital
BSE	Bahagian Sumber Elektronik	PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
BTM	Bahagian Teknologi Maklumat	PPAN	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri
CIP	Cataloging in Publication	PPAN Perlis	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
ICT	Information and Communications Technology	PPM	Persatuan Pustakawan Malaysia
IFLA	International Federation of Library Associations and Institutions	PPTN	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
ITBM	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia	PRM	Perkhidmatan Rujukan Maklumat
		PRMLN	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
		UI	Unit Integriti
		UTM	Universiti Teknologi Malaysia